



KENYATAAN NAIB CANSELOR COVID-19

Pandemik COVID-19 merupakan sebuah krisis berskala global yang memaksa kebanyakan organisasi berfikir di luar kotak pemikiran dalam memastikan operasi organisasi yang biasa dijalankan secara tipikal tidak terganggu operasinya. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sepertimana kebanyakan organisasi lain dalam negara turut menerima impak pandemik ini. Tambahan pula pada 16 Mac 2020, kerajaan menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN) memutuskan untuk mengimplementasi **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** peringkat nasional yang pada asalnya telah ditetapkan bermula 18 hingga 31 Mac 2020. Walau bagaimanapun tempoh ini telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020. Institusi pengajian tinggi berdasarkan PKP turut tersenarai sebagai di antara sektor yang perlu menghentikan operasi buat seketika.

Berdasarkan perintah tersebut, Kementerian Pengajian Tinggi pada 17 Mac 2020 pula telah mengeluarkan **Garis Panduan Pengendalian Berhubung Penularan Wabak COVID-19 Bagi Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)**.

Penubuhan Jawatankuasa Bertindak COVID-19 dan Bilik Operasi COVID-19 UPNM

Satu Jawatankuasa Bertindak COVID-19 peringkat UPNM yang diterajui Naib Canselor telah ditubuhkan dengan keahlian Pengurusan Utama UPNM bagi mengatur arah strategik organisasi semasa krisis, memperolehi sumber (resource acquisition) dan perancangan senario (scenario planning).

Antara perkara strategik lain yang diberikan tumpuan adalah perkembangan semasa berkenaan wabak serta kaedah untuk bertindak dalam menangani wabak ini di peringkat operasi dan taktikal organisasi.

Dalam pada itu, UPNM juga telah menubuhkan Bilik Operasi COVID-19 UPNM yang turut diterajui oleh Naib Canselor sendiri dengan sokongan pengurusan kanan universiti dan para pegawai universiti. Bilik operasi yang beroperasi mengikut waktu-waktu yang telah ditetapkan bertindak sebagai jentera pengurusan krisis UPNM. Jentera ini juga sedang dan telah mengatur strategi dan pelan tindakan dibawahnya yang merangkumi **komunikasi, perkhidmatan dan kemudahan, pengajaran dan pembelajaran, kebajikan serta Pelan Tindakan Pengoperasian Pasca Krisis** iaitu selepas berakhirnya PKP.

Strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang telah digubal adalah seperti berikut:

1) **Komunikasi**

Beroperasi dalam tempoh krisis, UPNM begitu mengambil berat aspek komunikasi dengan pemegang taruh (dalaman dan luaran) bertujuan memastikan maklumat yang disampaikan diperolehi daripada sumber sah dan menerusi saluran ditetapkan agar tiada kecelaruan maklumat berlaku. Antara inisiatif di bawah strategi komunikasi adalah:

- 1.1) **Hot-line UPNM:** Dikendalikan di Bilik Operasi COVID-19 UPNM dengan waktu operasi bermula 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari.



- 1.2) **Media sosial untuk sebarang maklumat/berita:** Berita dan perkembangan dalam kampus disampaikan dari masa ke semasa menerusi media sosial rasmi UPNM mengikut keperluan menerusi media social rasmi UPNM seperti Facebook, Twitter dan Instagram. Perkara yang disampaikan adalah selaras dengan keputusan-keputusan Jawatankuasa Bertindak COVID-19 UPNM. Diselia dan diuruskan oleh Bahagian Kepimpinan, Korporat dan Perhubungan Antarabangsa yang juga ahli kepada Bilik Operasi COVID-19 UPNM. Adalah dimaklumkan UPNM sentiasa merujuk kpd sumber maklumat rasmi daripada pihak berwajib iaitu MKN, KKM, KPT, KLN, JPM dan kementerian lain yang berkaitan.

2) **Perkhidmatan dan Kemudahan**

Perkhidmatan dan kemudahan adalah merujuk kepada aktiviti pengurusan, keselamatan, penginapan, kafeteria, akses internet, perpustakaan dan pusat kesihatan. Kesemua perkhidmatan dan kemudahan dalam tempoh krisis ini ditumpukan kepada pelajar UPNM.

2.1) **Pengurusan**

Segala urusan dan perjalanan (operasi) universiti adalah ditangguhkan buat sementara waktu selaras dengan PKP dan Garis panduan oleh KPT. Walau bagaimanapun bagi memastikan perkhidmatan tidak terganggu sepenuhnya jadual kerja telah diwujudkan dengan meminimumkan kehadiran dan

pergerakan. Ini bertujuan memastikan Bilik Operasi COVID-19 UPNM dan penyediaan perkhidmatan asas (essential services) dapat diteruskan dengan lancar.

2.2) Keselamatan

Bahagian Keselamatan UPNM terus berperanan menentukan keselamatan UPNM tidak dikompromi. Ini merangkumi kawalan pergerakan keluar masuk dalam universiti dengan mematuhi langkah-langkah keselamatan dan pencegahan penyebaran jangkitan COVID-19 serta keselamatan secara keseluruhannya.

2.3) Penginapan

Jumlah pelajar UPNM yang tidak pulang adalah seramai 105 orang. Mereka dibenarkan untuk terus menginap di kediaman bawah kawalan UPNM.

2.4) Kafeteria

Semua pelajar yang tidak pulang disediakan makanan secara percuma, di mana segala kos yang terlibat ditanggung oleh Universiti dan melalui sumbangan oleh UPNM Holdings Sdn. Bhd. Tambahan daripada itu, pelajar-pelajar turut menerima sumbangan daripada pelbagai pihak seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pusat Keusahawanan UPNM serta orang perseorangan berbentuk keperluan asas termasuk makanan kering.

Kaedah mengambil makanan adalah seperti disarankan oleh Kementerian Kesihatan iaitu edaran secara dibungkus dengan mengamalkan penjarakan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya sejauh 1 meter dengan memastikan kebersihan sebelum mengambil makanan.

2.5) Perpustakaan

Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim ditutup secara fizikal sepanjang penguatkuasaan PKP. Namun, pelajar dan pensyarah boleh terus menikmati kemudahan bagi memperolehi publikasi, jurnal atau e-book secara dalam talian, samaada dari dalam atau luar kampus.

2.6) Pusat Kesihatan/Kesihatan Pelajar

Pusat Kesihatan UPNM beroperasi seperti biasa untuk rawatan pesakit luar walau bagaimanapun untuk pesakit yang mempunyai gejala pernafasan seperti batuk, selsema, sakit kerongkong dan demam dirawat dalam khemah khas. Ini diadakan bertujuan mengasingkan pesakit dengan pesakit lain.

Dalam pada itu perkhidmatan kaunseling terus disediakan bagi memelihara kesihatan mental (mental health) bagi pelajar yang tidak pulang.

3) Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Selaras dengan kenyataan media oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 20 Mac 2020 berhubung Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian, pelajar dan pensyarah boleh terus menggunakan platform sedia ada.

Bagi pelajar yang tidak mempunyai akses PdP dalam talian, mereka boleh menggunakan kaedah lain seperti memuat turun nota syarahan dan rakaman syarahan dari platform lain (off-the-shelf platform).

UPNM juga sedang mengaturkan kaedah peperiksaan dalam talian bagi pelajar yang mengikuti program Asasi Pertahanan dan Diploma.

4) Kebajikan

Memahami kesukaran yang dihadapi oleh pelajar UPNM, beberapa inisiatif telah digubal yang diantaranya telah huraikan di atas. Tambahan pula, beberapa inisiatif lain turut dilaksanakan bagi menjaga kebajikan mereka seperti pembayaran balik (reimburse) tambang pengangkutan awam bagi pelajar yang telah membeli tiket pulang tetapi tidak dibenarkan selepas implimentasi PKP pada 18 Mac 2020.

UPNM juga turut menyumbang kepada komuniti luar dalam usaha menangani wabak COVID-19 iaitu sumbangan pinjaman Patient Isolation Transport Unit (PITU) kepada Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan sebagai membantu kekurangan PITU bagi memindahkan pesakit COVID-19.

5) Pelan Tindakan Pengoperasian Pasca Krisis

Sepertimana dinyatakan sebelum ini berkenaan pengendalian perkara-perkara pasca krisis, UPNM sedang menyediakan pelan tindakan bagi menerima kepulangan pelajar ke kampus. Ini merangkumi pengurusan logistik/pengangkutan, prosedur kemasukan dalam kampus, saringan kesihatan, pengasingan (isolation)/kuarantin (quarantine), jika perlu, dan cara pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Penutup

UPNM akan terus berusaha bagi menentukan bahawa kepentingan organisasi termasuk staf dan pelajar sentiasa dipelihara meskipun dalam keadaan yang mencabar dan dinamik.

LT JEN DATUK HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI JALAL

Naib Canselor

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

26 Mac 2020 (Khamis)